

RTM, TV3 diminta adakan siri silat

- 2 JUN 1988 3. Harian (M)

RTM dan TV3 diminta mengadakan siri khas mengenai seni silat mempertahankan diri untuk tontonan orang ramai, khususnya generasi muda.

Ahli Exco Negeri, Haji Hanafi Ramli, berkata seni silat adalah warisan turun temurun orang Melayu yang unggul dan ia harus ditonjolkan oleh media massa kepada umum, terutama televisyen.

Menurutnya, generasi muda tidak begitu mengenali seni silat secara mendalam kerana mereka sering didedahkan kepada kegiatan seni mempertahankan diri warisan bangsa lain.

Berucap merasmikan gelanggang silat Tiong Hitam Kampung Baru Tapang di sini semalam, beliau berkata, siri gusti ditayangkan di televisyen setiap minggu sekarang bukan warisan orang Melayu.

Tanahair

"Kita perlu membimbing generasi muda ke arah mengenali seni silat warisan bangsa dengan pelbagai cara dan satu daripadanya menerusi media elektronik," katanya.

Beliau berkata semangat kepahlawanan yang ditunjukkan oleh beberapa tokoh Melayu zaman dulu yang menggunakan silat sebagai alat mempertahankan tanahair daripada pencerobohan penjajah, perlu ditimbulkan semula sebagai teladan kepada generasi muda.

Haji Hanafi yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan dan Kebudayaan Negeri, memuji Persatuan Seni Silat Mempertahankan Diri Kedah, kerana berusaha menghidupkan kembali kesinambungan seni itu kepada generasi muda.

Beliau juga meluluskan peruntukan \$1,500 bagi menyediakan pelbagai keperluan membina gelanggang silat di situ. Turut hadir ialah Pengarah Pelancongan Negeri, Encik Bisharuddin Mohd Basha.

Kejohanan Seni Silat: Tiga peserta wakili ^{PENANG/SILAT} Batu Pahat

ABDUL Rahman Mohd Nor, abang kepada jaguh bina badan negara, Malek Nor dan dua pesilat adik-beradik kebangsaan, Khatijah dan Salbiah Salleh dipilih mewakili Batu Pahat ke Kejohanan Seni Silat peringkat Johor selama tiga hari di Dewan Jubli Intan, Muar bermula 17 Jun ini, lapor ZAYADY RADIN

Ketiga-tiga pesilat itu adalah antara 12 peserta yang dipilih dalam kejohanan seni silat daerah Batu Pahat di Dewan Sekolah Tinggi, Bandar Penggaram, kelmarin.

Setiausaha pertandingan, Sharifudin Husien, berkata 22 pesilat dari pelbagai pertubuhan dan gabungan di daerah Batu Pahat menyertai kejohanan itu.

Katanya, pertandingan anjuran majlis seni silat daerah Batu Pahat itu dibahagikan kepada sembilan kelas mengikut berat badan masing-masing bagi lelaki dan wanita.

Menurutnya, bagi pesilat wanita, hanya tiga kelas saja dipertandingkan iaitu Kelas A (40 hingga 45 kg), B (45-50kg) dan C (50-55kg).

Pesilat negara, Khatijah menyertai kelas A sementara adiknya Salbiah kelas B dan Shelda Abdul Jalil kelas C. 3. Harian (M)

Dalam bahagian lelaki, Ismail Othman muncul juara bagi Kelas A, Rashid Zakaria B, Zulkifli Imail C, Jaffar Ismail D, Ahmad Sabri E, Zulkifli Hussin F, Abdul Rahman Mohd Nor G dan Maniru Salem I.

Sementara, pertandingan kelas H tidak dijalankan kerana tiada penyertaan.

Pertubuhan Seni Silat Gayung Malaysia cawangan Batu Pahat muncul juara dalam acara pertunjukan.

Berita Harian difahamkan kejohanan itu kali pertama diadakan sejak ia ditubuhkan beberapa tahun lalu.

Tarikh Kejohanan Silat dipinda

KEJOHANAN Silat Kebangsaan yang dijadualkan berlangsung di Port Dickson pada 25-31 Julai dipinda tarikhnya kepada 27 Julai hingga 2 Ogos. 9 JUN 1988

Pengerusi penganjur, Ishak Hassan, berkata pindaan tarikh itu dibuat bagi mengelakkan gangguan kepada peserta untuk menyambut Hari Raya Haji. 3. Harian (M)

Ishak yang juga Yang Dipertua Majlis Silat Negeri Sembilan (Mase-nis), berkata jawatankuasa penganjur akan mengadakan mesyuarat kedua 21 Jun ini bagi membincangkan pelbagai persiapan yang perlu dijalankan.

"Setakat ini kami masih menunggu penyertaan melalui Persatuan Silat Kebangsaan (Pesaka)," jelas beliau.

Katanya, dalam kejohanan kali ini 10 kategori akan dipertandingkan bagi peserta lelaki dan lima kategori untuk wanita.

Ahmad Wardi 3. Harian (M) 3 (M) terima ^{SYIA AHMAD SIFAHADON} anugerah PBM MSIA

JUARA silat olahraga Kelas B Kebangsaan, Ahmad Wardi Salim dianugerahkan Pingat Bakti Masyarakat (PBM) sempena Ulang Tahun Kelahiran Yang Dipertua Negeri Melaka semalam.

Turut menerima pingat yang sama ialah Penolong Setiausaha Persatuan Sepaktakraw Amatir Melaka, Mahathir Mohamad. - 9 JUN 1988

Seorang tokoh sukan yang juga Presiden Persatuan Hoki Melaka, Datuk Haji Tamby Chik Haji Hassan menerima pingat Jaksa Pendaмай (JP).